



Bank Pilihan Anda

## **SOALAN-SOALAN LAZIM**

### **KEMPEN EMAS 2 KILO**

---

**1. Apakah Kempen Emas 2 Kilo?**

Kempen Emas 2 Kilo ini ialah sebuah kempen yang khusus diadakan oleh Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change bersama sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan yang sentiasa menyokong perniagaan Ar-Rahnu.

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk membolehkan para pelanggan dan orang ramai lebih mengenali dan memahami produk Pembiayaan Pajak Gadai-i, di samping menggalakkan lebih ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu dan pada masa yang sama, mereka berpeluang menikmati pelbagai tawaran hadiah yang menarik.

**2. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?**

Kempen ini terbuka kepada:

- i. Pelanggan individu baharu dan sedia ada;
- ii. Warganegara Malaysia; dan
- iii. Membuat pengeluaran Pembiayaan Pajak Gadai-i & memastikan akaun Pajak Gadai-i aktif semasa tempoh kempen di cawangan Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change.
- iv. **PENGECUALIAN:**
  - a. Warga kerja Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change; dan
  - b. Pelanggan yang mempunyai sebarang akaun tunggakan, akaun yang digantung atau akaun yang ditamatkan atau akaun yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat dalam perjanjian dengan Bank.



Bank Pilihan Anda

### 3. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

Mekanisma penyertaan adalah berkonsepkan Gadai dan Menang, di mana:

- i. Satu (1) permohonan pengeluaran pembiayaan yang diluluskan dan masih aktif dalam tempoh kempen layak mendapat satu (1) bilangan penyertaan.
- ii. Satu (1) permohonan pengeluaran pembiayaan yang diluluskan dan masih aktif dalam tempoh kempen **SERTA** membuat pembelian barang kemas / barangan emas menggunakan Kad Kredit Bank Rakyat layak mendapat dua (2) bilangan penyertaan.
- iii. Tiada had minimum bagi nilai gadaian.

### 4. Berapa lamakah tempoh kempen ini akan dijalankan?

Tempoh Kempen adalah selama **empat (4) bulan** bermula dari **07 September 2024 hingga 31 Disember 2024**.

### 5. Apakah hadiah yang ditawarkan kepada pemenang yang bertuah?

Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KATEGORI	BIL. PEMENANG	HADIAH
Pertama	1	500-gram <i>Gold Bar</i>
Kedua	1	150-gram <i>Gold Bar</i>
Ketiga	1	100-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-4	1	60-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-5	1	50-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-6	2	40-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-7	2	30-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-8	2	20-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-9	4	10-gram <i>Gold Bar</i>
Ke-10	10	5-gram <i>Gold Bar</i>
Saguhati	290	3 gram <i>Gold Bar</i>
Jumlah	315	2,000 gram <i>Gold Bar</i>



Bank Pilihan Anda

**6. Bilakah pemilihan pemenang akan berlangsung?**

Pemilihan pemenang melalui undian secara rawak akan dijalankan dengan menggunakan sistem undian berkomputer selepas tamat tempoh kempen.

**7. Bagaimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat tentang kempen ini?**

- Melalui “call centre” Bank Rakyat
- Di Cawangan dan Ar-Rahnu X'Change
- Media sosial Bank Rakyat
- Iklan akan disiarkan secara digital dan iklan radio.

**8. Kongsikan tentang Pembiayaan Pajak Gadai-i sebagai salah satu produk pembiayaan Bank Rakyat?**

Pembiayaan Pajak Gadai-i Bank Rakyat menawarkan pembiayaan tunai segera dan mudah sehingga RM350,000 (terkumpul) dengan kadar keuntungan yang rendah. Manakala had gadaian bagi emas jenis berongga (*hollow gold*) adalah sehingga RM100,000 sehari.

Pembiayaan Pajak Gadai-i ialah sebuah pembiayaan paling mudah untuk diproses terutamanya bagi mereka yang baru mahu memulakan perniagaan. Tambahan lagi, dengan adanya cawangan Ar- Rahnu di seluruh negara 140 Cawangan Bank Rakyat, 49 Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat dan 82 Ar-Rahnu X'Change, Rakyat Management Services Sdn Bhd (RMS), kami begitu efisien dalam memastikan urusan anda semua berjalan lancar.

Barang kemas yang dipajak gadai juga dijamin selamat. Sebagai contoh, pelanggan yang pergi bercuti keluar negara boleh menggadai barang kemas mereka di Ar-Rahnu. Selain itu, kami menyediakan perkhidmatan mencuci aksesori emas secara percuma di setiap cawangan Bank Rakyat, Ar-Rahnu Bank Rakyat dan perkhidmatan ini terbuka kepada semua.



Bank Pilihan Anda

**9. Apakah harapan Bank Rakyat menerusi penganjuran Kempen Emas 2 Kilo ini?**

Bank Rakyat berharap agar kempen ini akan menarik lebih ramai pelanggan baharu untuk menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu. Menerusi kempen ini, kami mahu masyarakat memahami yang mereka boleh menggunakan emas mereka sebagai satu aset yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan taraf ekonomi individu dan berupaya untuk menjana ekonomi negara.

**Terima kasih.**